

25 FEB 2003

Isa-Pendatang

324 PENDATANG TANPA IZIN DITAHAN DALAM OPS NYAH 11 DI NS

SEREMBAN, 25 Feb (Bernama) -- Seramai 324 pendatang asing tanpa izin dan 13 tekong darat ditahan dalam Ops Nyah 11 di negeri ini sejak Januari hingga semalam.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata semua pendatang dan tekong terbabit yang ditahan semasa di darat akan dihadapkan ke mahkamah.

"Jumlah pendatang asing tanpa izin yang ditahan jauh berkurangan sejak kerajaan mengenakan hukuman lebih berat termasuk disebat, meningkatkan rondaan pantai dan operasi di darat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri di sini, hari ini.

Beliau berkata 6,884 pendatang asing tanpa izin ditahan pada 2001 dan jumlah itu berkurangan kepada 2,645 tahun lepas.

Kebanyakan pendatang asing tanpa izin itu adalah warganegara Indonesia.

Setakat ini, tiada pendatang tanpa izin bagi Ops Nyah 1 iaitu tangkapan di laut berbanding 24 orang tahun lepas, katanya.

Mohamed Isa berkata pasukan keselamatan akan terus menjalankan rondaan di seluruh perairan negeri ini bagi membanteras kemasukan pendatang secara haram.

Mengenai ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa merasmikan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 di Kuala Lumpur semalam yang meminta peperangan patut diharamkan, beliau berkata kenyataan berani Dr Mahathir seharusnya disokong oleh semua negara yang bencikan peperangan.

"Kenyataan Perdana Menteri itu juga harus diambil kira oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai sebuah badan yang sentiasa menjaga keamanan dunia," katanya.

--BERNAMA

APG NAK